



Mukadimah

Assalamualikum.

Halaman WEB Jejak Warisan (JW) telah dilancarkan dalam internet pada bulan February 2006 di alamat <http://jw2006.tripod.com>. Di sini pihak Jejak Warisan ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas sambutan yang luar biasa dari penyokong-penyokong kami di Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, India dan beberapa Negara dari Timur Tengah dan Eropah. Ucapan terima kasih juga kepada mereka yang telah mencetak WEB ini dan telah mengalih-bahasa kepada bahasa 'English' serta mengedarkannya keseluruhan pelusuk dunia. Untuk pengetahuan semua, setelah genap setahun usia halaman WEB ini, kini ianya telah dikunjungi atau dilayari lebih dari 60 ribu orang.

Ada pun demikian kami mendapat beberapa c a d a n g a n a t a u 'feedback' dari pelbagai pihak bagi menjayakan matlamat kami. Ini adalah kerana dunia sekarang amat-amat memerlukan pemimpin yang berhak dan telah digariskan dalam Al-Quran sebagai panduan seluruh umat Islam. Maka dengan itu barulah Allah menunaikan janji-jinya menurunkan bantuan bagi menyelamatkan umat Islam yang kini dipandang hina oleh Negara-Negara Barat. Lihatlah apa yang telah terjadi pada Palestin dan


Iraq. Adakah kita mahu jadi seperti mereka sedangkan kebenaran telah datang kepada mereka.

Sedarlah anda semua bahawa bumi kita semakin tenat, manakala bencana alam dan penyakit kian merebak melampaui sempadan tanpa mampu disekat oleh teknologi moden. Antara bencana atau fenomena yang akstream akan berlaku adalah seperti; Banjir, Kekerasan Gempa Bumi, Tsunami, Paras laut akan naik dan mengakibatkan beberapa buah pulau dan sebuah negara akan ditenggelami air, ribut taufan, salji melampau, suhu kepanasan melampau, kemarau dan sebagainya.

Kini dunia perubatan moden sedang bertungkus-lumus mencari penawar bagi penyakit HIV/AIDS yang sedang ganas bermahrajalela menular keseluruhan

dunia. Walaupun penawarnya masih belum terbukti berjaya, kini telah wujud pula penyakit merebak yang jauh lebih merbahaya yang dikenali sebagai H5N1 (selsema burung).

Ingatlah bahawa kita sekarang berada di akhir zaman. Janganlah anda terpengaruh dengan kecanggihan teknologi barat yang dijadikan sandaran membina keyakinan rakyat bahawa bencana alam dan penyakit adalah masalah kecil atau terpencil dan mampu dikawal. Itu adalah kata-kata pemimpin jahil yang cuma ingin mengejar 'kepopuleritian' untuk mendapat sokongan. Sehingga kini media elektronik menjadi bahan perantaraan yang amat penting bagi mempengaruhi masyarakat supaya mempercayai perkara yang 'BATIL' itu adalah 'HAK' manakala yang 'HAK' itu adalah 'BATIL'.



Kepimpinan

Sesungguhnya punca segala permasalahan negara kita khususnya atau Negara Islam amnya adalah dari 'Pucuk Pimpinan' atau Pemimpin. Renungkanlah Firman ALLAH S.W.T. dalam Surah Al-Maidah, Ayat 35 " Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu takut kepadaaku, carilah wasilahku dan berjuanglah pada jalanku, supaya kamu beroleh kemenangan ". Wasilahku yang dimaksudkan adalah Pewaris Kalimah Allah atau Pewaris Al-Quran. Pewaris Al-Quran adalah terdiri dari keturunan RASULULLAH S.A.W. yang lebih dikenali sebagai AHLUL BAIT. Sesungguhnya terlalu banyak Hadis Sahih yang memperkatakan tentang AHLUL BAIT. Untuk pengetahuan semua, kami kini dalam proses menyiapkan Jejak Warisan-2 (JW2) yang menjuruskan kepada AHLUL BAIT kerana seperti mana yang telah kita ketahui JW sebelum ini telah membuktikan pertemuan yang tidak dijangka yakni pertembungan keturunan RASULULLAH S.A.W. dengan Kesultanan Melayu Melaka. Kali ini Edisi Khas Setahun Jejak Warisan ini akan membuat beberapa penambahan bagi mengukuhkan lagi pertemuan tersebut. Kita sebagai Umat Islam WAJIB cari AHLUL BAIT dan WAJIB mengangkat di kalangan mereka sebagai pemimpin atau sultan seperti apa yang telah kami temukan sebelum ini. Ini adalah fakta yang jelas mengapa dan kenapa sultan di zaman dahulu mempunyai DAULAT. Tetapi sayangnya masih ramai umat Islam hari ini masih tidak mempercayainya atau was-was tentang keturunan RASULULLAH S.A.W. yang telah diberi jaminan oleh ALLAH S.W.T. dan RASULULLAH S.A.W. akan wujud sehingga akhir zaman. Manakala barang siapa tidak yakin akan Al-Quran, maka mereka tidak percaya akan kalimah ALLAH S.W.T., maka lalu tunggulah seksaan dari ALLAH yang amat pedih. Sesungguhnya ALLAH tidak sekali-kali menyeka hambanya tetapi hambanya menyeksakan diri mereka sendiri.

Ada pun banjir yang berlaku di negara kita baru-baru ini sebenarnya bukanlah satu hikmah kerana musibah yang berlaku itu bukan sahaja melibatkan kerugian jutaan ringgit bahkan juga meragut beberapa nyawa, tetapi ianya adalah satu hidayah yang ALLAH turunkan untuk dijadikan renungan supaya kita berfikir kenapa dan apakah kesalahan yang telah kita lakukan hendaklah diperbaiki segera dan bertaubat kepada ALLAH S.W.T

Surah Al-Ahzab, Ayat 33;



Sesungguhnya Allah hendak menghapuskan noda dan kotoran dari kamu sekalian, ahlul-bait, dan mensuciakan kamu sekalian dengan sesuci-suciinya.

Hadis Sahih dari Abu Hurairah r.a. diriwayatkan oleh al-Hakim, Abu Ya'la, Abu Nu'aim dan Addailamiy;

Nabi s.a.w bersabda, "Yang terbaik diantara kamu sekalian ialah yang terbaik perlakuanannya terhadap ahlulbaitku, setelah aku kembali kehaziran Allah".

Imam Syafi'i r.a. dalam banyak syair beliau telah melahirkan rasa cinta dan kasih sayang beliau kepada Ahlulbait Rasulullah s.a.w antara syair beliau yang banyak itu, beliau pernah bermadah;

"Wahai Ahlulbait Rasulallah s.a.w. Kecintaan kepadamu adalah kewajiban dari Allah, yang turun dalam al-Quran. Cukuplah bukti betapa tingginya kamu sekalian. Tiada sempurna sholat tanpa shalawat untuk anda sekalian."



Pencemaran Sejarah

Sebenarnya punca utama kami dari Jejak Warisan membina halaman WEB ini adalah untuk ketengahkan kebenaran setelah mendapati terlalu banyak perkara dan perbuatan yang melanggar hukum-hukum ALLAH S.W.T. dewasa ini secara terang-terangan menyentuh institusi Diraja atau Kesultanan Melayu Melaka khususnya. Ini secara tidak langsung akan mencemarkan institusi itu sendiri dan apatah lagi mereka yang pernah mendakwa Sultan Melaka tidak diambil sebarang tindakan walaupun pelbagai pihak menafikannya. Tindakan kerajaan yang mengambil mudah soal ini telah mengundang persoalan yang lebih besar antaranya adalah dimanakah

letaknya maruah MAJLIS RAJA-RAJA yang terpaksa berdiam diri walaupun dicemari sewenang-wenangnya oleh pihak tertentu?

Oleh itu pihak kami telah mencari punca sebenar kepincangan ini dengan mengkaji secara terperinci serta mengumpul seberapa banyak bahan bukti dan rakaman saksi yang masih hidup hingga kini. Adapun cara yang terbaik untuk memulakan kajian adalah merujuk kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masehi yang amat digeruni oleh kerajaan Majapahit dan Siam. Pada hakikatnya Kerajaan Melaka pada suatu ketika dulu pernah mempunyai empayar yang amat luas seperti rajah disebelah.



Pada awalnya pihak kami agak kecewa kerana banyak maklumat dari Munshi Abdullah bercanggah dengan kebenaran serta berbau penjajah. Tulisan beliau banyak menyentuh keburukan sultan supaya rakyat tidak bersatu dan berperang sesama-sendiri lalu menguntungkan penjajah dengan mudah memeras keringat rakyat bagi mengaut keuntungan hasil bumi kita. Pada masa yang sama konsep pecah dan perintah oleh penjajah amat mudah dilaksanakan. Kerana terlalu banyak berlaku penyelewengan fakta sejarah oleh Munshi Abdullah maka sejarah Melaka agak kabur dalam pelbagai aspek sehingga menimbulkan andaian yang ditafsirkan sebagai lagenda dan ada sesetengah pihak agak terdesak memerlukan bukti kukuh untuk dicatatkan sebagai sejarah Negara. (Sila Rujuk Akhbar Utusan Malaysia, Ber tarikh 12hb. Jun 2006, Tajuk : Raja Haji Pahlawan Teragung Nusantara. Oleh: Wan Mohd. Shaghir Abdullah)

Atas dasar ini kita perlu balik ke pangkuhan Agama Islam yang menjadi teras rujukan kita terutama ketika kita dalam kesesatan kerana kekurangan bahan kajian dan bukti. "Sejarah Berulang Kembali" adalah merupakan

kata-kata keramat yang digunakan orang seluruh dunia. Manakala pembohongan menjadi sebahagian daripada perjalanan sesuatu sejarah itu sendiri dan ianya juga menjadi penyebab jatuhnya sesebuah empayar. Alhamdulillah, atas berkat kesabaran dan kesungguhan kami selama lebih 2 tahun akhirnya banyak bahan bukti keluar secara berperingkat-peringkat termasuk beberapa bahan sejarah negara seperti artifek yang berharga pernah dibawa keluar oleh penjajah suatu ketika dulu. Manakala kami juga ada memperolehi banyak bahan sejarah yang dikumpul oleh orang perseorangan dan sebahagiannya masih tertanam di bumi Melaka yang bertuah ini.



Pertikaian

Sebagai rakyat jati Melaka, kami amat tersinggung terhadap pemerintah negeri yang telah menukar taraf kediaman Gabenor kepada Istana Melaka di Bukit Beruang Melaka baru-baru ini. Seperti mana yang kita sedia maklum, istana merupakan kediaman Sultan atau Raja sahaja. Asal sejarah Negeri Melaka adalah negeri Berdaulat. Jangan jadi bangsa

Melayu yang tidak beradab untuk mencemarkan minda generasi akan datang. Inspirasi terbinanya Istana Melaka kini mendorong ramai yang menuntut menjadi Sultan.

(Sila lihat dalam Pertikaian II - Maklumat Tambahan sebagai lanjutan dari perkara pertikaian ini)

Surah Al-Maa'idah, Ayat 57;

Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil jadi pemimpimu, orang-orang yang membuat agamamu jadi buah ejekan dan permainan, di antara orang-orang yang telah diberi kitab sebelummu, dan orang-orang yang kafir. Dan takutlah kepada Allah jika kamu golongan mukminin.



Kini Dinamakan Istana Melaka.

Dulu Dinamakan Kediaman TYT.

Surah Al-Maa'idah, Ayat 62;

Dan kamu akan melihat kebanyakannya dari mereka bersegera membuat dosa, permusuhan dan memakan harta yang haram. Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah kerjakan itu.



Surah Al-Maa'idah, Ayat 63;

Mengapa orang-orang alim mereka, pendeta-pendeta mereka tidak melarang mereka mengucapkan perkataan bohong dan memakan yang haram? Sesungguhnya amat buruk apa yang mereka telah kerjakan itu.


Hasil Kajian Sejarah Melaka

Hasil kajian kami menyatakan bahawa Sultan Melaka Yang Berdaulat masih wujud hingga ke hari ini. Sesungguhnya segala peralatan kebesaran diraja kepunyaan baginda sungguh hebat sekali dan tidak dapat dipertikaikan ketulianannya setelah kami men-jalani proses ketulinan barang lama dari mereka yang pakar dalam bidang tersebut. Baginda hidup dikalangan rakyat biasa, warak dan sentiasa menolong orang yang memerlukan. Atas sifat baginda yang terpuji ini ada juga dikalangan rakyat yang bersifat tamak dan telah mengambil kesempatan terhadap harta benda baginda. Baginda juga adalah dari keturunan Arab yang bergelar Sayed dari Nasab Al-Boharie. Baginda yang kami mak-sudkan adalah Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim.



Baginda

Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim.



. Hasil Kajian Sejarah Dari Ayahanda Baginda

Sebenarnya Sayed Abdullah adalah merupakan Sultan Melaka yang Pertama dengan gelaran baginda Datuk Darat dan telah Mangkat pada tahun 1296 Masihi dan dimakamkan bersebelahan Mimbar Masjid Kampung Hulu Melaka. Baginda mempunyai anak yang bernama Sayed Musa Saleh. yang terkenal sebagai seorang pengembara sambil berdakwah. Beliau diangkat menjadi Sultan Iraq ketika itu dan baginda dikahwinkan dengan Puteri Iraq dan seterusnya dilantik menjadi Sultan. Sayed Abdul Kadir Jailani adalah putera baginda telah mengikuti jejak langkah ayahandanya menjadi pengembara dan pendakwah. Manakala takhta Iraq diserahkan kepada adinda baginda. Baginda sendiri mempunyai isteri seramai 4 orang dalam satu masa. Sayed Ismail atau Sayed Ariffin adalah putera kedua baginda manakala putera sulung ialah Sayed Ibrahim (1303) yang kemudian mempunyai putera yang di kenali sebagai Wali Songo. Sayed Ismail (Sultan Ariffin Pulau Besar) mempunyai putera bernama Sayed Iskandar yang lebih dikenali sebagai 'Parameswara'. Kemudian salah seorang dari cucu-cicit Sayed Abdul Kadir Jailani telah berhijrah ke Negara Rusia di suatu tempat yang bernama Bukhara. Maka timbulah keturunan Sayed Al-Boharie atau Al-Bukhary (kedua-duanya adalah sama) mengambil sempena nama

tempat tersebut. Sayangnya tidak dapat di ketahui Tuan-Tuan Sayed Al-Boharie sehingga salah Sultan Arab Ayahanda Sayed Nuruddin Syarif yang mana seluruh dunia mengetahui bahawa Baginda adalah dari keturunan RASULLAH S.A.W. yakni dari Saidina Ali R.A. dan Sulbi Saidina Hassan R.A.. Sayed Nuruddin Syarif pun cuba merahsiakan dirinya sebagai Putera Mahkota Arab dari penjajah (sebelum keturunan Diraja Saudi sekarang). Kemudian salasilah ini boleh didapati daripada saudara-saudara yang berketurunan Al-Yahya atau Al-Qadri. Cicit Sayed Nuruddin Syarif yang digelar sebagai Putera Besar telah lahir pada tahun 1900 bernama Maulana Sayed Abdul Kadir dan menetap di Kerala India. Manakala Sayed Mohamad Kassim lahir pada tahun 1901 dan Sayed Ismail lahir pada tahun 1902 juga telah mengembara sambil berdakwah. Ketika itu mereka berumur 19 dan 18 tahun. Sayed Ismail terbunuh di Burma dan Sayed Mohamad Kassim meneruskan perjalanan beliau ke Tanah Melayu Melaka. Pada waktu itu beliau menjadi rujukan bagi beberapa cerdik pandai agama. Untuk pengetahuan semua Sayed Mohamad Kassim adalah Ayahanda kepada Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim.




Masjid Kampung Hulu Melaka



Makam Sultan Ariffin Pulau Besar



Makam 7 Beradik



Sesungguhnya terdapat terlalu banyak bukti tentang perkembangan Islam di Melaka sebelum tahun 1400 Masihi. Antaranya Makam di Pulau Besar Melaka dan Makam di Masjid Kampung Hulu Melaka yang mana tarikhnya antara 1200 hingga 1400 Masihi, begitu juga Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 1303 Masihi dipercayai datang dari Melaka suatu ketika dulu. Ahli-ahli sejarah pernah membuktikan bahawa kerajaan Pasai, Rokan dan Siak di Sumatera telah dibuka oleh orang-orang Islam sebelum tahun 969 Masihi lagi. Begitu juga dengan sejarah Awal Islam di Negeri Kedah yang telah subur sebelum 1000 Masihi. Dalam perkembangan Islam yang sebegini cepat ke seluruh dunia amnya adalah amat mustahil Negeri Melaka baru menerima Islam selepas 200 hingga 400 tahun kedatangan Islam di Nusantara.

• Hasil Kajian Sejarah Dari Bonda Baginda

Bermula dari Putera Sultan Manshor Syah dengan Puteri Hang Li Po menjadi Sultan di Langat Selangor. Manakala Sultan Melaka yang terakhir adalah Raja Haji anak Daeng Celak yang telah berjaya mengambil kembali Empayar Melaka setelah menewaskan Belanda. Raja Haji Bugis telah menjadi Sultan Melaka yang terakhir selama seminggu sahaja kerana baginda mangkat dibunuh secara curi oleh Bangsa Melayu sendiri di Teluk Ketapang, Teluk Mas Melaka dan telah dimakamkan di Lukut Port Dickson. Keturunannya adalah pewaris Sultan Lukut, Sultan Langat, Sultan Selangor dan seterusnya Sultan Perak kini Masyallah Sultan Melaka. Manakala cucu-cicitnya Sultan Abdullah Muhammad Syah 1

Durian Sebatang (Raja Derauf) menjadi Sultan Perak ke-22 pada tahun 1851-1857 dan menjadi pewaris Istana Maimon di Medan Indonesia dan Istana Kampung Hulu Melaka yang mana kini makamnya terletak di belakang Istana tersebut. Setelah mangkat, sepupu baginda bernama Nik Engku Raja Mamat yang merupakan pewaris Kesultanan Melayu Deli telah membeli sebidang tanah

yang luas dari Dato Shamsudin yang juga merupakan adik angkat kepada Sultan Abdullah Muhammad Syah I (Raja Derauf). Kini tanah tersebut menempatkan seratus peratus Bangsa Melayu tetapi namanya Kampung Morten (sempena nama penjawuh). Baginda Sultan Abdullah Muhammad Syah I mempunyai Putera bernama Sultan Yusuf Sharifuddin Mu'azal Shah yang pernah menjadi Sultan Perak ke-27 cuma selama setahun sahaja. Baginda menghilangkan diri bersama-sama Alat Kebesaran ekoran Peristiwa Pasir Salak dan telah berhijrah ke Klebang Besar Melaka dan telah menyamar orang kebanyakan. Penduduk setempat menggelarkan baginda Sultan Arab Nurhabib dengan panggilan Nurbib. Baginda juga mempunyai anak bernama Raja Patimah yang masih hidup dan kini usianya 79 tahun (pada tahun 2007). Baginda telah mewariskan kesemua Alat Kebesaran Diraja termasuk Kesultanan Melayu Melaka kepada anakandanya Raja Patimah ketika itu berusia 15 tahun yang merupakan Bonda kepada Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim.




Sultan Abdullah Muhammad Syah 1
Durian Sebatang (Raja Derauf)



Istana Maimon di Medan Indonesia



Kampung Morten Melaka



Batu Bersurat Terengganu



Sultan Yusuf Sharifuddin Mu'azal Shah



Pulau Besar Melaka

Pertembungan Yang Hebat

AL-QURAN : Surah 33 Al Ahzab,

Ayat 36;

Tidak ada bagi lelaki mukmin dan perempuan mukminah hak memilih dalam urusan mereka bila Allah dan Rasulnya telah memutuskan urusan itu. Barang siapa yang menderhakai Allah dan Rasulnya, maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang nyata.

AL-QURAN: Surah 3 Ali Imran,

Ayat 61;

Barang siapa membantah engkau tentang kebenaran itu, sesudah datang kepada engkau ilmu pengetahuan, maka katakanlah : Marilah kamu, kami panggil anak-anak kamu dan anak-anakmu, perempuan-perempuan kami dan perempuan-perempuanmu dan diri kamu dan dirimu, kemudian kita bersungguh-sungguh berdoa, lalu kita jadikan kutuk Allah atas orang-orang yang dusta.

AL-QURAN: Surah 2 Al Baqarah,


Ayat 50;

Ketika kami belah air laut untukmu, lalu kami lepaskan kamu dan kami tenggelamkan keluarga Firaun, sedang kamu melihat.

Alhamdulillah. Syukur kita kepada ALLAH S.W.T. yang mana keturunan Sultan Melaka adalah dari keturunan RASULULLAH S.A.W.

Ini juga membuktikan betapa seseorang Sultan itu Berdaulat serta perlu dihormati dan disanjungi.

Untuk pengetahuan para pembaca sekalian, keturunan RASULULLAH S.A.W. amat sukar dicari kerana ramai musuh-musuh Islam mencari jalan membunuh mereka. Tetapi ALLAH S.W.T. telah berjanji melindungi Nasab mereka hingga ke akhir zaman kerana dari mereka lahirnya IMAM MAHADI.



Pengakuan

Begitu juga dengan pengakuan terbuka seperti ini. Barang siapa mengaku diri mereka sebagai keturunan RASULULLAH S.A.W. tetapi mereka menipu, nescaya ALLAH S.W.T. akan menurunkan kepada mereka azab yang amat pedih di dunia maupun di akhirat dengan segera.

Ini telah terbukti dengan beberapa kes yang mana kami telah menemuduga beberapa orang saksi dari keluarga terdekat yang telah menipu sebagai keturunan RASULULLAH S.A.W. Sesungguhnya mereka yang menipu itu rata-ratanya menjadi gila hingga memalukan dan terbit darah

dari liang-liang romah dalam jangka masa yang amat singkat setelah membuat pengakuan tersebut. Kesakitnya amat pedih sekali kepada mereka yang melihatnya sehingga tidak berdaya membantu.

Kita jangan terkeliru sekiranya ada orang yang mengaku diri mereka dari keturunan Rasulullah tetapi tidak ada apa yang berlaku pada diri mereka, ini adalah kerana Rasulullah bermakasud Rasul Allah, dan Rasul Allah ada 25 orang termasuk Nabi Adam A.S

Apa yang tidak boleh adalah keturunan RASULULLAH S.A.W.. Cuma yang berhak saja yang terselamat.

Masyallah, InsyAllah.

Sesungguhnya pertembungan bersejarah ini amat hebat dan kami sama sekali tidak menjangka Keturunan RASULULLAH S.A.W. bertemu dengan Keturunan Kesultanan Melayu Melaka pada Akhir Zaman ini.

Alhamdulillah. Syukur kita kepada ALLAH S.W.T. yang mana keturunan Sultan Melaka dari keturunan RASULULLAH S.A.W.

Alat Kebesaran

Melaka

Alat Kebesaran Diraja



Sesungguhnya alat kebesaran dan pakaian peribadi diraja yang dinyatakan di bawah ini adalah benar dan ketulinannya terserah sebagai barang lama ketika dilihat dari dekat. Kini dimiliki sepenuhnya oleh cucuanda Sultan Yusuf Sharifuddin Mu'azal Shah.

Keris Naga Sari .





Merupakan Keris Kebesaran Utama Negeri Selangor Kepunyaan Sultan Ismail Selangor. Ini adalah MARUAH NEGERI SELANGOR. Keris 7 lok buatan Bugis. Ianya diperbuat daripada beberapa jenis besi dan bercampur dengan mas putih manakala naganya disalut dengan mas tulin.



Tarbus (Kepunyaan Sultan Abdullah Muhammad Syah 1 Marhum Durian Sebatang)



Barang lama yang diperbuat dari bahan yang sukar di jumpai kini, dengan tenunan yang amat halus dan teliti. Ianya tetapi dijaga dengan begitu rapi walaupun dimamah usia. Secara kebetulan baginda dan anakanda baginda sahaja yang memakai Tarbus ketika menjadi Sultan Perak ketika itu.



Sultan Abdullah Muhammad Syah 1
Dengan Para Pembesar

Keris Pamong Sari.

Merupakan keris kepunyaan Sultan Manshor Syah Melaka yang digunakan oleh Hang Tuah menentang Hang Jebat.

Keris Kebesaran ini diperbuat dengan begitu halus dan teliti. Keris ini terlalu cantik buatanya dengan warna terang serta berkilauan hingga tidak mampu ditiru oleh mana-mana Pandai Keris. Sesungguhnya Keris hebat ini mempunyai terlalu banyak misterinya. Antaranya adalah, keris ini tidak mampu dipalsukan kerana keris palsu tersebut akan berubah warna kepada wama hitam dan setiap gambar yang diambil selalunya tidak menjadi atau gambar keris tersebut bertukar warna kepada hitam walaupun dibantu dengan cahaya kamera yang mencukupi.



Tarbus (Kepunyaan Sultan Yusuf Sharifuddin Mu'azal Syah)

Tarbus kepunyaan Sultan Yusuf Sharifuddin Mu'azal Shah dipakai oleh cucu baginda.

Merupakan barang lama yang diperbuat dengan bahan yang cukup tahan dengan perubahan cuaca. Sesungguhnya sentuhan 'Islamic Design' masih kelihatan pada permukaan tarbus yang halus buatanya tersebut.



Alat Kebesaran Lain

Keris Naga Sitoro


Merupakan Keris Kebesaran Utama Negeri Melaka. Ianya mempunyai 13 lok dan jauh lebih hebat, lebih unik dan lebih menarik daripada Keris Naga Sari. Adapun keris tersebut mempunyai ukiran naga yang bertahtakan emas melengkar mengikut lok keris dari hujung hingga ke pangkal, ibarat kilauan matahari memancar pada riak air sungai yang mengalir jernih mengikut loknya. Bila didirikan ianya tidak ubah seperti kilauan kilat mencecah bumi. Setakat ini belum sampai masanya untuk kami nyatakan kehebatanya dan insyallah dengan keizinan Allah jua keris ini akan dinyatakan keistimewaanya kelak.

Keris Nilam Upih

Kepunyaan Raja Haji Bugis. Merupakan keris yang menjadi saksi kepada banyak peperangan di rantau nusantara serta ianya digunakan untuk menegakan sinar Islam serta berjihad menentang penjajah.

Banyak Lagi . . .

PENDING dan banyak lagi. Kebanyakan Alat Kebesaran yang ada tidak dapat dinyatakan di sini atas sebab-sebab tertentu. Sekiranya berminat untuk mengetahui atau melihatnya lebih dekat sila hubungi pihak Jejak Warisan di jejakwarian2006@yahoo.com.my atau jejakwarian@netscape.net.



Wasilah & Salasilah

Nabi Ibrahim A.S.
Nabi Ismail A.S.
Adnan
Ma'ah
Nizar
Mudhar
Ilyas
Mudrikah
Khuzaimah
Kinanah
An Nadhr
Malik
Firr (Quraish)
Ghalib
Luay
Kaab
Murrah
Kilab (Hakim)
Qusai
Abdi Manaf
Hashim
Abdul Mutalib
Abdullah

Surah 2, Al-Baqarah, Ayat 124:

Dan Ketika Nabi Ibrahim diuji oleh tuhananya dengan beberapa kalimat lalu Nabi Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman, Sesungguhnya aku akan menjadikan mu imam bagi seluruh manusia. Nabi Ibrahim memohon untuk keturunannya juga. Allah berfirman, Janjiku tidak terlibat pada orang-orang yang zalim.

Surah 3, Ali-Imran, Ayat 33;

Sesungguhnya Allah telah memilih Adam, Nuh, Keluarga Ibrahim dan Keluarga Imran melebihi segala umat.

Surah 4, An-Nisaa, Ayat 59;

Hai orang-orang yang beriman taatilah Allah dan taatilah Rasul dan Ulilamri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian, Yang demikian itu lebih utama dan lebih baik akibatnya.

Junjungan Besar Nabi Muhamad S.A.W.

Sayidina Fatimah R.A..	Berkahwin	Sayidina Ali R.A..
Sayidina Hassan R.A..		

Sayed Abdullah (Datuk Dart)
(Sultan Melaka - 1)

Sayed Musa Salih (Sultan Melaka & Iraq)
(Sultan Melaka Ke-2)

Sayed Abdul Kadir Jallani

Sayed Ismail (Sultan Ariffin)
(Sultan Melaka Ke-3)

Sayed Iskandar
Sultan Iskandar Syah
(Parameswara dengan Gelaran Datuk Palembang)
(Sultan Melaka Ke-4)

Sultan Muhammad Syah
(Sultan Melaka Ke-5)

Sultan Abu Syahid
(Sultan Melaka Ke-6)

Sultan Muzaffar Syah
(Sultan Melaka Ke-7)

Sultan Manshor Syah
(Sultan Melaka Ke-8)

Sultan Husin
(Sultan Langat)

Raja Ahmad
(Sultan Pahang)

Raja Kassim
(Sultan Muzaffar Syah)
Sultan Perak

Maulana Sayed Ibrahim

Wali Songo

Puteri Gelang
(Puteri Gunung Ledang)
Berkahwin Dengan
Laksamana Hang Tuah

Sultan Ali

Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka Ke-10)	Sultan Ahmad Shah (Sultan Melaka Ke-11)
(Tidak Diketahui Asal Keturunan)	

Puteri Langat
Berkahwin Dengan
Daeng Celak (Anak Raja Bugis)


Raja Haji
Tahun 1723 Masihi
(Sultan Melaka Ke-12)

Sultan Ismail Selangor
Raja Mahadi
Sultan Abdullah Muhammad Syah 1
Sultan Yusuf Muazal Syah
Raja Patimah

Sayed Nuruddin Sharif (Putera Mahkota Arab)
Maulana Sayed Abdul Kadir
Maulana Sayed Mohamad
Sayed Mohamed Kassim

Abdul Salam
Sultan Salamhudin Riayat Syah
Sultan Kalangan Rakyat
Sultan Melaka Ke-13

Susurgalur



Maklumat Tambahan



Demi Nyawa berada pada Allah Taala.

Demi Quran yang diturunkan.

Demi Surah 47 Muhamad S.A.W.



Sesungguhnya Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim menggunakan ruang internet ini sebagai sumber informasi dan pengetahuan untuk semua pihak. Baginda dengan jelas menyatakan bahawasanya Gabenor Melaka kini adalah BIADAP. Sedarlah semua bahawa kita di tanahair ini hendaklah mengikut HUKUM ALAM dan perkara yang paling mudah difahami adalah seperti Hak Kerajaan.

Kerajaan tidak mampu berdiri dengan sendirinya

tanpa Raja dan buktinya apabila dibuangkan "ke" dan "an" pada perkataan kerajaan maka tinggal lah "raja". Oleh itu di manakah letaknya Demokrasi Berpelembagaan? Untuk pengetahuan semua, Istana yang diduduki oleh Gabenor Melaka kini adalah asalnya tanah Wakaf milik moyang Baginda Raja Mahadi Putera Mahkota Selangor. Dalam masalah kebiadapan ini Baginda menyarankan kepada Gabenor untuk melaksanakan perintah Allah Taala melalui Ayat Muhabalah.

Demi darah Rasulullah S.A.W. yang mengalir ditubuh Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim dan Baginda Ahlul-Bait Rasulullah S.A.W. mengingatkan Sumpah Laksamana Hang Tuah "

Pantang Anak Melayu Derhaka Pada Sultan"

Oleh dengan ini Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim mengistiharkan diri Baginda sebagai Sultan Melaka.

Maklumat ini telah disuarakan oleh Baginda Abdul Salam Bin S. Mohamad Kasim pada malam 23 Ramadan 1427H yang merupakan malam Lailatulkadar dan telah disaksikan oleh beberapa orang remaja belasan tahun termasuk putera baginda sendiri yang bernama Zulkarnain, di mana sebatang pokok sena besar yang menyerupai manusia berhadapan Surau Islah Semabok telah rukuk mengadap jalan raya



Sebelum ini dikenali sebagai

KEDIAMAN T.Y.T.

Tetapi semenjak Gabenor Baru ini duduk dikenali sebagai

ISTANA MELAKA.

Ketahuilah Anda Semua Anak Melayu Sendiri BIADAP kepada SULTAN.

Kepada Pencinta Rasulullah S.A.W.

Surah Al-Maaidah Ayat 67

“Hai Rasul sempurnakanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhan mu. Ini tiada engkau perbuat, nescaya belumlah engkau menyampaikan segala risalahnya. Allah akan memeliharakan mu daripada manusia. Sesungguhnya Allah tidak menunjuki kaum yang kafir”.

Surah Ali Imran Ayat 15 - 19

(15) “ Katakanlah adakah kamu suka, kukabarkan kepadamu barang yang lebih baik daripada yang demikian. Untuk orang-orang yang takwa di sisi tuhannya ada syurga yang mengalir air sungai dibawahnya, sedang mereka kekal didalamnya dan isteri-isteri yang suci dari keredhaan Allah dan Allah Maha Melihat segala hambannya ”.

(16) “ Mereka itulah yang mengatakan, Ya tuhan kami, sesungguhnya kami telah beriman, sebab itu ampunlah dosa kami dan peliharakan kami dari siksa neraka ”.

(17) “ Dikalangan orang-orang yang sabar, benar, patuh, memberi nafkah dan meminta ampun di waktu sahur ”.

(18) “ Allah telah menyatakan, bahawa tidak ada yang berkuasa, kecuali dia. Dia telah mengakui pula malaikat-malaikat dan orang-orang berilmu, sedang Allah itu dengan keadilanNya. Tidak yang lain, kecuali Dia yang Maha perkasa lagi Maha bijaksana ”.

(19) “ Sesungguhnya agama disisi Allah, ialah Islam. Tiadalah berselisih orang-orang ahli kitab, melainkan setelah datang ilmu pengetahuan kepada mereka, kerana berdengki-dengkian sesamanya. Barang siapa yang kafir akan ayat-ayat Allah, maka sesungguhnya Allah bersegera menghisabnya ”.

Kepada Pencinta Rasulullah S.A.W.

Surah Alī Imran Ayat 20 - 25

(20) " Kalau mereka membantah engkau, katakanlah Aku serahkan mu-kaku kepada Allah bersama orang-orang yang mengikutku. Dan kata-kanlah kepada orang-orang ahli kitab dan orang-orang ummi. Mahukah masuk Islam? Jika mereka masuk Islam, sesungguhnya mereka telah mendapat petunjuk dan jika mereka berpaling, maka kewajiban engkau hanya menyampaikan dan Allah Maha melihat segala hambanya ".

(21) " Sesungguhnya orang-orang yang kafir akan ayat-ayat Allah, membunuh nabi-nabi tanpa kebenaran dan membunuh orang-orang yang menyuruh berlaku adil antara manusia, maka berilah mereka kha-bar bergembira-lah dengan siksaan yang pedih ".

(22) " Mereka itu dihapuskan amalannya di dunia dan akhirat dan tak ada bagi mereka orang yang menolong ".

(23) " Tidaklah engkau ketahui orang-orang yang diberi sebahagian dari kitab, diseru mereka kepada Kitab Allah, supaya dihukum antara mereka, kemudian satu golongan diantara mereka berpaling dan mereka itu tetap berpaling ".

(24) " Demikian itu ialah sebab mereka berkata; kita tiada akan disen-tuh api neraka, melainkan beberapa hari sahaja. Mereka itu terpedaya dalam agamanya kerana barang yang diada-adakannya ".

(25) " Betapakah halnya apabila kami himpukkan mereka pada hari yang tak ada keraguan padanya dan tiap-tiap manusia disempurnakan usahanya, sedang mereka bukan teranianya ".

Kepada Pencinta Rasulullah S.A.W.

Surah Ali Imran Ayat 26 - 30

(26) " Katakanlah; Ya Allah yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada siapa yang Engkaukehendaki dan Engkau cabut kerajaan kepada siapa yang Engkaukehendaki dan Engkau muliakan siapa yang Engkaukehendaki dan Engkau hinakan siapa yang Engkaukehendaki. Disisi Engkaulah segala kebajikan sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu ".

(27) " Engkau masukkan malam ke dalam siang dan Engkau masukkan siang ke dalam malam. Engkau keluarkan yang hidup dari yang mati, dan Engkau keluarkan yang mati dari yang hidup. Dan Engkau berirezeki kepada siapa yang Engkaukehendaki tanpa hisab ".

(28) " Janganlah orang-orang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan mukminin. Barang siapa berbuat demikian, nescaya lepaslah ia dari pertolongan Allah kecuali kerana memelihara diri dari sesuatu yang ditakuti dari mereka. Dan Allah memperingatkan kamu terhadap dirinya. Dan hanya kepada Allah tempat kembalii ".

(29) " Katakanlah; Jika kamu menyembunyikan apa yang ada dalam hatimu atau kamu melahirkannya, pasti Allah mengetahui apa-apa segala yang ada di langit dan apa-apa yang ada di bumi. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu ".

(30) " Pada hari ketika tiap-tiap diri mendapat segala kebajikan dihadapkan, begitu kejahatan yang telah dikerjakannya, ia ingin kalau kiranya antara ia dengan hari itu ada masa yang jauh, dan Allah memperingatkan kamu terhadap dirinya. Dan Allah sangat Penyayang kepada hamba-hambanya ".

Kepada Pencinta Rasulullah S.A.W.

Surah Al Anaam Ayat 128 - 130

(128) "Pada hari Allah menghimpunkan mereka sekalian; Hai sekalian jin, sesungguhnya kamu telah banyak memperdayakan manusia. Berkatalah pemimpin-pemimpin manusia; ya Tuhan kami, telah bersukaria setengah kami dengan yang lain, telah tiba masa yang telah Engkau janjikan kepada kami. Allah berfirman; Nerakalah tempat kamu, serta kekal didalamnya kecuali jika Allah menghendaki. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui".

(129) "Demikianlah kami angkat sebahagian orang yang anaya menjadi pemimpin bagi yang lain, sebab usaha mereka sendiri".

(130) "Hai sekalian jin dan manusia, tiadakah sampai kepada mu Rasul-Rasul di antara kamu yang memberitakan ayat-ayat Ku kepada mu dan memberi peringatan kepada mu akan menemui hari ini? Sahut mereka, Kami mengetahui kesalahan diri kami. Mereka terpedaya oleh kehidupan di dunia dan mereka mengakui kesalahan diri mereka, sesungguhnya mereka itu orang-orang kafir".

Yang mencukupi ku hanyalah Allah,
Tiada yang lain kecuali Dia,
KepadaNya aku bertawakkal,
Dan Dia adalah Tuhan yang memiliki 'Arsy yang besar.

NEGARA JUNJUNGAN ISLAM

MASYAALLAH

Takutlah kepada Allah S.W.T. dan jangan sekali-kali mengundang kemurkaanNya. Beta adalah Sultan Kalangan Rakyat yang mana di dalam badan beta mengalir segar darah Rasulullah S.A.W yang tulin lagi suci. Beta secara zahir mahupun batin telah dilengkapi peralatan Diraja Melaka yang telah terbukti kesahihannya. Kini Beta sedang menunggu perintah dari Allah S.W.T. kerana Beta secara terus terang menyatakan bahawa Beta adalah merupakan utusan dari Allah Ta'ala yang mana Beta adalah Sultan Melaka yang sebenarnya.

Berdasarkan kenyataan Beta di atas.

Buktikanlah kenyataan Beta tidak benar.

Beta adalah keturunan Rasulullah SAW yang dikenali sebagai Ahlul Bait.

Beta juga pemimpin dikalangan Ahlul Bait yang dikenali sebagai Wasilah.

Oleh itu Beta adalah pewaris Duit Nabi Muhamad S.A.W sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Al-Quran.

Berdasarkan kenyataan Beta di atas,

Buktikanlah siapa yang lebih berhak daripada Beta.

Dan buktikanlah kenyataan Beta tidak benar.

Hindarlah zina dan jangan menghampiri zina. Kahwinlah dengan cara hormat, kepada yang mampu kahwinlah sehingga sampai empat kerana yang akan turut ada di akhirat nanti adalah kahwin. Kahwinlah perempuan-perempuan yang baik, yang lebih muda daripada mu dan sebaik-baiknya adalah anak dara. Sesungguhnya orang lelaki hendaklah bersyukur kerana Allah Ta'ala menjadikannya lelaki dan bukannya perempuan. Manakala orang perempuan hendaklah bersyukur kerana Allah Ta'ala menjadikannya perempuan.

Oleh itu pelindung bagi perempuan adalah lelaki.

Negara Islam tidak boleh sama sekali menternak babi. Sesungguhnya punca yang haram akan melahirkan generasi yang merosakan Islam itu sendiri. Tidak cukupkah bukti pada hari ini yang peratusan masalah sosial muda-mudi kian meningkat sehingga tidak mampu dibendung lagi.

Jangan banyak cakap berbangga diri sehingga kini baru sedar hampir suku negeri Melaka dijajahi babi. Hendak diharap mereka yang berwajib menangani masalah di atas sedangkan secara terang-terangan perkarangan Masjid ditanamnya pokok ru. Apakah mereka masih tidak ketahui?

Sesungguhnya Al-Quran telah datang kepada mereka.

Surah 3, Ali Imran, Ayat 83;

“Maka apakah mereka mencari agama Allah yang lain dari Islam, padahal kepada Nyalah berserah diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka maupun terpaksa dan hanya kepada Allah mereka dikembalikan”.

Surah 4, An Nisaa, Ayat 115;

“Dan barang siapa yang menentang Rasul sesudah jelas kebenaran baginya, dan mengikuti jalan yang bukan jalan mukminin. Kami biarkan ia leluasa terhadap kesesatan yang telah dikuasainya itu dan Kami masukkan ia ke dalam Jahanam, dan Jahanam itu seburuk-buruk tempat kembali”.

Sabda Rasulullah S.A.W. :

“Dua kaki seorang hamba tidak akan bergerak pada hari kiamat sebelum ia ditanya tentang, untuk apa umurnya dihabiskan, untuk apa jasadnya dibinasakan, dan untuk apa hartanya dibelanjakan, dari mana diperoleh serta bagaimana kecintaannya kepada Ahlul Bait”.

Sabda Rasulullah S.A.W. :

“Manakala Ahlul Baitku lenyap, maka datanglah kepada umatku bencana yang dijanjikan”.

Sabda Rasulullah S.A.W. :

“Bintang-bintang adalah keselamatan bagi penghuni bumi dari tenggelam dan Ahlul Baitku adalah keselamatan bagi umatku dari perselisihan. Apabila ada kabilah Arab yang membelaangi Ahlul Baitku mereka akan berselisih kemudian mereka akan menjadi kelompok iblis”.

Sabda Rasulullah S.A.W. :

“Hai manusia, bahwasanya keutamaan, kemuliaan, kedudukan dan kepemimpinan ada pada Rasulullah S.A.W. dan keturunannya. Janganlah kalian diseret oleh kebatilan”.

Jangan dicari Puteri Gunung Ledang,
Kerana Puteri tersebut tiada di sana,
Cuma meninggalkan nama sebagai tatapan sejarah.
Jangan dicari Imam As Shafiee,
Kerana Imam As Shafiee telah kembali ke Rahmatullah.
Berpijaklah bumi yang nyata wahai rakyat Beta sekalian.
Dan menjaga dengan baik kepada 3 hurumat Allah S.W.T.

MASYAALLAH